Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca juga.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad – ("Syarikat")
Nama Produk : Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat – ("GMBIS")
Nama Pemegang Polisi Induk : Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam
Nombor Polisi / Nombor Skim :
Nama Pelanggan : _____
Tarikh : _____

---

1. Apakah produk ini?

GMBIS ialah Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat yang menyediakan perlindungan dan pulangan pelaburan yang tidak dijamin berdasarkan prestasi dana unit yang dipilih. Skim ini tidak mempunyai penyertaan dalam lebihan dana hayat.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Berdasarkan pelan pilihan anda, manfaat yang selaras akan dibayar mengikut Seksyen A dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen (yang dilampirkan pada akhir PDS ini) dan Jadual Pampasan di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat.

Jadual Pampasan

Seksyen A	**% dari jumlah asurans**
Kematian	100%
Seksyen B	**% dari jumlah asurans**
1) Kehilangan kedua-dua tangan	100%
2) Kehilangan kedua-dua kaki	100%
3) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
4) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
5) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar diatas katil secara kekal	100%
6) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya menyeluruh dan kekal	100%
7) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
Bagi kecederaan yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar secara bersekadar dengan kehilangan yang dialami seperti dinyatakan dalam polisi induk. Walau bagaimanapun jumlah bayaran tidak melebihi 100% dari jumlah asurans keseluruhan.	

Maklumat lanjut berkenaan pelan ini seperti berikut:

- Pilihan untuk menambah atau mengurangkan jumlah asurans pada bila-bila masa dengan melengkapkan borang cadangan baharu (tertakluk pada terma dan syarat).
- Perlindungan boleh dilanjutkan untuk pasangan dan anak-anak yang sah, tertakluk pada terma dan syarat.
- Bayaran premium melalui potongan gaji/Potongan Debit Terus ("DDA") dan kad kredit.
- Jika tuntutan yang sah (ke atas hayat anak yang diasuranskan) berlaku sebelum umur 5 tahun hari jadi berikutnya, lien kanak-kanak akan dikenakan.

Pelan yang anda beli adalah:

- GMBIS berkait pelaburan yang menyediakan perlindungan sehingga umur 65 tahun hari jadi berikutnya.

Nilai pelan berkait pelaburan (ILP) bergantung kepada harga yang mendasari unit, mengikut prestasi dana yang dipilih oleh pemegang polisi induk anda

Peringatan: Sila baca ilustrasi jualan kerana ia memberi penerangan berkenaan manfaat produk dan objektif dana unit. Pemilihan

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

a) Premium bulanan yang selaras dengan jenis pelan pilihan anda (Sila rujuk Seksyen B dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama PDS ini).
b) Amaun premium adalah sama untuk semua ahli yang layak tanpa mengambil kira umur mereka.
c) Premium perlu dibayar sehingga pelan anda matang atau sehingga penamatan perlindungan, mana yang berlaku dahulu.

4. Berapakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

a) Caj Insurans – Jumlah asurans tertakluk pada caj; iaitu Syarikat berhak mengubah caj insurans bagi tahun polisi selanjutnya bergantung kepada profil umur purata dan pengalaman tuntutan skim. Caj insurans ditolak secara bulanan dengan membatalkan unit dalam dana yang telah diperuntukkan pada pelan anda, berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV) masing-masing pada Tarikh Penilaian yang berikutnya bagi dana tersebut mengikut tarikh caj insurans perlu dibayar. Butiran caj insurans dan caj lain untuk pelan dinyatakan dalam ilustrasi jualan.

b) Komisen perkhidmatan perantara – (sila rujuk Seksyen C dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama PDS ini).
c) Yuran perkhidmatan untuk pemegang polisi induk – (sila rujuk Seksyen D dalam Jadual Manfaat, Premium dan Komisen yang dilampirkan bersama PDS ini).
d) Caj insurans bagi rider (jika berkenaan) tertakluk kepada Cukai Barang dan perkhidmatan ("CBP") dan anda perlu membayar jumlah tersebut.
e) Caj insurans yang diberi dalam jadual Ilustrasi Jualan termasuk CBP.
f) Yuran polisi bagi polisi ini tertakluk kepada CBP dan anda perlu membayar jumlah tersebut.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

a) Pendedahan penting – anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan nyatakan umur sebenar anda. Jika anda ragu-ragu sama ada sesetengah fakta adalah material atau tidak, fakta tersebut hendaklah didedahkan.
b) Skim ini memerlukan penyertaan minimum seramai 500 orang pada suatu masa tertentu. Syarikat berhak menamatkan Skim pada bila-bila masa, jika penyertaan kurang daripada keperluan minimum.
c) Tempoh memerhati bebas – anda boleh menamatkan pelan dalam masa 15 hari selepas anda menerima Sijil Asurans bagi pelan anda. Jika polisi ditamatkan dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik amaun yang bersamaan jumlah (a) jumlah nilai pelaburan polisi; (b) nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk membayar caj insurans dan yuran polisi berdasarkan NAV pada tarikh penilaian yang berikutnya; dan (c) amaun premium yang belum diperuntukkan; tolak (d) perbelanjaan perubatan yang ditanggung, jika ada.
d) Tempoh menunggu – kelayakan untuk manfaat penyakit kritikal hanya bermula 60 hari selepas tarikh berkuat kuasa pelan anda.
e) Tempoh tenggang – Pelan ini akan luput jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tenggang selama sembilan puluh (90) hari.
f) Penarikan balik dana – tertakluk kepada terma dan syarat yang digunakan, hayat yang diasuranskan boleh menjual sejumlah unit selepas membuat sumbangan sekurang-kurangnya 12 bulan.
g) Promosi istimewa (untuk permohonan yang diterima tanpa pengunderaitan) – 50% daripada jumlah asurans akan dibayar bagi keadaan berikut;
   (i) Kematian akibat Gangguan Sedia Ada (seperti ditakrifkan dalam Polisi Induk) dalam 2 tahun pertama permulaan insurans;
   (ii) Hilang Upaya Total dan Kekal dalam tempoh 6 bulan pertama daripada permulaan insurans.
   (iii) Penyakit Kritikal dalam tempoh 6 bulan pertama daripada permulaan insurans.

   Manfaat tidak akan dibayar bagi sebarang Hilang Upaya Total dan Kekal disebabkan sebarang Hilang Upaya Total dan Kekal sedia ada atau Penyakit Kritikal sedia ada; atau sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis dalam tempoh 60 hari pertama daripada gaji/komisen/potongan akaun bank atau dari tarikh borang cadangan ini diterima Great Eastern selepas penolakan premium, mana yang lebih awal, atau tuntutan Penyakit Kritikal disebabkan Penyakit Kritikal sedia ada.

   (Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, tuntutan penuh hanya akan dibayar semasa kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal atau Penyakit Kritikal tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Kontrak.)
h) Kesahihan – Cadangan ini hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh cadangan. Borang cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan dengan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
i) Syarikat berhak mengubah kadar dalam Jadual Manfaat dan/atau Kadar Premium dan/atau Yuran Polisi dan/atau caj insurans dan/atau terma dan peruntukan Polisi (termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am) yang dianggap sesuai dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi Induk.
j) Pengecualian premium – Syarikat akan memaklumkan anda dengan memberi notis kepada Pemegang Polisi Induk sebelum asurans anda luput kerana menggunakan pengecualian premium.
k) Permulaan Risiko dan Tarikh Matang – Maklumat akan ditunjukkan dalam Sijil Asurans.
l) Pesara atau sesiapa yang telah berhenti kerja dan bukan lagi pekerja Pemegang Polisi Induk perlu membayar premium melalui Potongan Debit Terus atau kad kredit.
m) Notis pertukaran – Kami akan membantu anda mengemas kini alamat perhubungan melalui Sijil Premium Asurans Hayat Tahunan (LAPC) kami. Pertukaran relevan yang memerlukan perhatian anda akan dinyatakan dalam LAPC.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi induk untuk terma dan syarat di bawah pelan ini. Penjaga kontrak polisi induk untuk GS 118 adalah Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kematian/Hilang Upaya Total dan Kekal/Hilang Upaya Separa Kekal:
  1. disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
  2. dialami akibat dari sebarang bentuk penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam penerbangan biasa berjadual.
  3. pra-wujud sebelum tarikh penguatkuasaan perlindungan dibawah Polisi ini.
  4. disebabkan dari peperangan, samada diisytihar atau tidak.
  5. disebabkan dari serangan provokasi, dadah, selam skuba, atau sebarang bentuk perlumbaan (selain dari berjalan kaki).
  6. disebabkan bunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan pertama perlindungan Polisi.

- Penyakit Kritikal yang:
  1. pra-wujud sebelum permulaan perlindungan.
  2. didiagnoskan dalam enam puluh (60) hari pertama dari tarikh yang mana Asurans keatas Hayat yang Diasuranskan telah berkuatkuasa.
  3. berkaitan pada pra-wujud penyakit.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi induk untuk terma dan syarat di bawah pelan ini. Penjaga kontrak polisi induk untuk GS 118 adalah Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Anda boleh membatalkan pelan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Pembelian suatu pelan insurans berkait pelaburan adalah suatu komitmen jangka panjang. Anda dinasihatkan tidak memegang pelan ini untuk jangka masa pendek kerana pembatalan awal pelan anda mungkin mengakibatkan kos yang tinggi; nilai penebusan bergantung kepada nilai pasaran semasa bagi aset yang mendasari dana. Oleh itu, nilai penebusan yang diterima semasa pembatalan (jika ada) mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan GMBIS, sila rujuk buku maklumat insurans yang relevan. Ia boleh didapati di semua cawangan kami atau Pemegang Polisi Induk anda atau perantara perkhidmatan rasmi anda atau hubungi kami di::

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

Ibu Pejabat	: Menara Great Eastern, Tingkat 8 303, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur.
Tel	: (603) 4813 3818
Faks	: (603) 4259 8899
E-mel	:gmbsadmin@greateasternlife.com

10. Jenis perlindungan lain yang serupa?

Sila semak dengan perantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa..

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS DENGAN BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INSURANS BERKAIT PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI RISIKO DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "PENAMBAHAN". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAIT PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada 1/8/2010

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi [nama IM] atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi [nama IM] atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Jadual Manfaat, Premium & Komisyen

Jenis Pelan (Jumlah Asurans)	BAHAGIAN A: Manfaat (RM)					BAHAGIAN B: Premium Bulanan (RM)	BAHAGIAN C: Komisyen Perantara		BAHAGIAN D: Yuran Perkhidmatan	
	Kematian atau HUTK atau 45 Penyakit Kritikal	Kematian atau HUTK akibat kemalangan (Bayaran Tambahan)	Perbelanjaan Pengkebumian	Jumlah Nilai Pelaburan (JNP)	Elaun Hospital Kerajaan (jumlah hari bermalam)		Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)	Kadar (%)	Amaun Bulanan (RM)
30,000	30,000	30,000	2,000	Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAV)	30.00	33	10	3.30	2	0.66
40,000	40,000	40,000	2,000		40.00	44	10	4.40	2	0.88
50,000	50,000	50,000	2,000		50.00	55	10	5.50	2	1.10
60,000	60,000	60,000	2,000		60.00	66	10	6.60	2	1.32
70,000	70,000	70,000	2,000		70.00	77	10	7.70	2	1.54
80,000	80,000	80,000	2,000		80.00	88	10	8.80	2	1.76
90,000	90,000	90,000	2,000		90.00	99	10	9.90	2	1.98
100,000	100,000	100,000	2,000		100.00	110	10	11.00	2	2.20
110,000	110,000	110,000	2,000		110.00	121	10	12.10	2	2.40
120,000	120,000	120,000	2,000		120.00	132	10	13.20	2	2.60
130,000	130,000	130,000	2,000		130.00	143	10	14.30	2	2.80
140,000	140,000	140,000	2,000		140.00	154	10	15.40	2	3.00
150,000	150,000	150,000	2,000		150.00	165	10	16.50	2	3.20
160,000	160,000	160,000	2,000		160.00	176	10	17.60	2	3.52
170,000	170,000	170,000	2,000		170.00	187	10	18.70	2	3.74
180,000	180,000	180,000	2,000		180.00	198	10	19.80	2	3.96
190,000	190,000	190,000	2,000		190.00	209	10	20.90	2	4.18
200,000	200,000	200,000	2,000		200.00	220	10	22.00	2	4.40
210,000	210,000	210,000	2,000		210.00	231	10	23.10	2	4.62
220,000	220,000	220,000	2,000		220.00	242	10	24.20	2	4.84
230,000	230,000	230,000	2,000		230.00	253	10	25.30	2	5.06
240,000	240,000	240,000	2,000		240.00	264	10	26.40	2	5.28
250,000	250,000	250,000	2,000		250.00	275	10	27.50	2	5.50

Nota:

1. Polisi anda akan tamat apabila berlaku Kematian atau Hilang Upaya Total & Kekal (“HUTK”) atau sebarang 1 dari 45 Penyakit Kritikal atau tuntutan 100% jumlah yang diasuranskan keatas hilang upaya separa kekal, yang mana berlaku dulu.
2. Manfaat Maksimum yang dibayar bagi Elaun Hospital adalah sehingga 500 hari bagi setiap hayat.
3. Komisyen Perantara dan Yuran Perkhidmatan dibayar sehingg Polisi mencapai matang atau sehingga penamatan perlindungan, yang mana berlaku dulu.